

26 MAY 1999

MALAYSIA-BON

PEMBAYARAN PREMIUM BAGI BON MALAYSIA BERGANTUNG PADA KADAR FAEDAH A.S.

Oleh: Azlina Aziz

KUALA LUMPUR, 26 Mei (Bernama) -- Malaysia tidak mempunyai pilihan selain membayar premium yang lebih besar bagi bon kedaulatan AS\$2 bilion-nya jika Rizab Persekutuan Amerika Syarikat memutuskan untuk menaikkan kadar faedah.

Kini hangat diperkatakan di pasaran Amerika bahawa Rizab Persekutuan akan menaikkan kadar faedah sebanyak 25 mata asas lagi. Ini bermakna minat pelabur kepada bon-bon Asia, termasuk yang diterbitkan oleh Malaysia mungkin akan berkurangan kerana julat yang luas antara bon Amerika dan Asia.

Bagaimanapun, penganalisis yang dihubungi di sini hari ini memintas untuk berkata: "Semua terletak di bahu kerajaan dan persoalannya kini adalah adakah kita amat-amat memerlukan wang."

Perdana Menteri Datul Seri Dr Mahathir Mohamad berkata bulan lepas bahawa Malaysia akan melancarkan bon global bagi mengumpul RM8 bilion - bukan kerana ia memerlukan wang, tetapi untuk membuktikan penilaian kreditnya.

Timbalan Gabenor Bank Negara Malaysia Datuk Dr Zeti Akhtar Aziz baru-baru ini juga berkata di Washington bahawa Malaysia tidak tergesa-gesa meminjam dana asing kerana buat masa ini, ia dapat membiayai keperluannya dari sumber-sumber domestik kerana kadar simpanannya adalah tinggi.

Untuk itu, pakar perbankan dari TA Securities, Chie King Ngu berkata: "Jika kita tidak benar-benar memerlukan wang, kita boleh mengurangkan jumlah bon kepada AS\$1 bilion atau hanya menyiapkan diri sambil menunggu sekejap. Jika tidak, kerajaan terpaksa membayar julat sebanyak 340 mata asas sebagai premium kepada Perbendaharaan Amerika."

Bon-bon Asia lain telahpun mengalami kesannya minggu lepas dengan julat penanda aras bertambah 20 hingga 30 mata asas berbanding minggu sebelumnya.

Satu mata asas adalah satu perseratus peratus. Ini bermakna penerbit baru mungkin akan terpaksa membayar kenaikan kadar faedah Amerika.

Beliau berkata bon Petronas 2006, yang dijangka menjadi asas harga bon negara Malaysia, adalah antara yang menerima kesan paling buruk minggu lepas -- julatnya meningkat 50 hingga 305 mata asas berbanding Perbendaharaan Amerika.

Sementara itu, khabar angin terus mengandaikan bahawa penerbitan bon Malaysia akan dibuat dengan pantas, sementara yang lain berkata terbitan itu akan diberikan harganya seawal Rabu ini di New York.

Salomon Smith Barney, pengurus utama tunggal bon itu, tidak memberi banyak maklumat mengenainya memandangkan kepada keadaan pasaran yang mudah ruap. Ini menyebabkan ramai peserta tidak tahu langsung mengenai masa dan harga bon kedaulatan Malaysia itu.

Bon global itu di tawarkan kepada pelabur Asia, Eropah dan Amerika.

Jun tahun lepas, Malaysia membatalkan cadangan membuat terbitan bon selepas agensi-agensi penarafan antarabangsa menurunkan taraf kredit Malaysia. Pada masa itu, jika Malaysia meneruskannya ia mungkin terpaksa membayar kadar faedah yang tinggi di sekitar 15 peratus.

-- BERNAMA

AA JR MA